



Muhazli (kiri) melihat kualiti minyak pelincir kenderaan yang dihasilkan oleh syarikatnya. [FOTO MOHD ASRI SAIFUDDIN MAMAT / BH]



Muhazli dan isteri, Zurita Azlin bersama produk **minyak pelincir kenderaan** yang dihasilkan oleh Sukimi Lube (M) Sdn Bhd.

Sukimi Lube dapat kepercayaan syarikat Jepun

» Produk minyak pelincir **ada masa depan cerah** kerana tidak ramai Bumiputera terbabit dalam perniagaan ini

Oleh Haryani Ngah
aryani@bh.com.my

Bukan mudah hendak meyakinkan pihak luar untuk membeli produk tempatan terutamanya syarikat dari Jepun yang terkenal dengan sikap ketelitian dalam membuat pemilihan.

Apatah lagi produk itu adalah minyak pelincir yang dihasilkan oleh sebuah syarikat bertaraf Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS).

Bagaimanapun keadaan berbeza dilalui oleh syarikat Sukimi Lube (M) Sdn Bhd, apabila paparan berita mengenai syarikat itu yang tersiar dalam berita di sebuah televisyen tempatan menarik perhatian wakil sebuah syarikat Jepun yang berpangkalan di Malaysia.

Menurut Ketua Pegawai Eksekutifnya, Muhazli Muhamad, selepas menonton siaran berita itu, wakil daripada syarikat Jepun berkenaan datang ke premisnya untuk mengadakan perbincangan.

“Wakil Jepun yang tinggal di Malaysia itu mengambil masa tiga bulan untuk bermesyuarat dan membuat penilaian terhadap Sukimi Lube. Selepas itu barulah, pihak syarikat dari Jepun itu datang ke Malaysia untuk melihat sendiri bagaimana kami mengendalikan proses pengeluaran minyak pelincir ini.

“Memang saya rasa berdebar apabila mendapat tahu pihak dari Jepun hendak datang ke kilang kami kerana mereka sangat teliti dan mengambil kira banyak aspek sebelum

membuat keputusan.

“Hasil pertemuan itu, wakil syarikat Jepun itu memaklumkan mereka tidak mengambil kira saiz keluasan kilang tetapi yang ditekankan adalah sistem pengendalian operasi dan kualiti minyak enjin yang dikeluarkan oleh Sukimi Lube,” kata usahawan berusia 40 tahun itu.

Kejayaan syarikat Sukimi Lube memasuki pasaran Jepun menunjukkan produk keluaran Malaysia terbukti dari segi kualiti.

Sejak berurusan dengan syarikat Jepun bermula tahun 2014 hingga sekarang ini, Sukimi Lube sudah menghantar lebih 10 kontena minyak enjin ke negara itu. Produk keluaran Sukimi Lube dihantar ke Kobe dan Osaka. Selepas ini akan berkembang ke Yokohama dan Tokyo.

“Dengan kejayaan memasarkan produk ke Jepun, saya percaya ia memberi lebih peluang buat Sukimi Lube melebarkan pasaran ke negara lain selepas ini,” katanya.

Belajar dari pengalaman bekerja Mengimbas kembali pembabitannya dalam dunia perniagaan minyak pelincir, Muhazli berkata, pengalaman bekerja dengan syarikat minyak dan gas seterusnya sebagai pegawai teknikal di SME Bank membuka minda beliau untuk menceburi bidang itu.

Pemegang ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Mekanikal dari Universiti Teknologi Mara (UiTM) itu berkata, beliau melihat banyak peluang dan potensi dalam bidang ini serta percaya ia mempunyai masa depan yang cerah kerana tidak ramai Bumiputera terbabit dalam perniagaan ini.



“**SME Corp. Malaysia banyak membantu saya ketika memulakan perniagaan menerusi beberapa geran yang diberikan termasuklah geran pembungkusan yang sangat bermanfaat buat usahawan PKS**”

Muhazli Muhamad,
Ketua Pegawai Eksekutif
Sukimi Lube (M) Sdn Bhd

Katanya, beliau memulakan perniagaan itu pada tahun 2007 dan dengan bantuan SME Corp. Malaysia beliau berjaya memperoleh bantuan permulaan perniagaan sebanyak RM40,000.

“SME Corp. Malaysia banyak membantu saya ketika memulakan perniagaan menerusi beberapa bantuan kewangan yang diberikan termasuklah untuk peningkatan pembungkusan yang sangat bermanfaat buat usahawan PKS.

“Peringkat awal, saya hanya menjalankan aktiviti perniagaan runcit dengan memasarkan tujuh jenis produk iaitu lima jenis minyak enjin kereta dan dua jenis minyak enjin motosikal,” katanya yang menjalankan operasi perniagaan di Shah Alam.

Ketika permulaan perniagaan, Muhazli berdepan dengan pelbagai cabaran terutama dalam menghadapi persaingan pasaran.

Bagaimanapun selepas dua tahun, beliau mula menarik nafas lega apabila Sukimi Lube berjaya menjadi panel untuk jabatan kerajaan dengan membekal minyak enjin kepada Polis dan Jabatan Bomba.

Selepas itu, Sukimi Lube menjadi pengeluar produk tulen (OEM) untuk beberapa jenama minyak pelincir dan terus berkembang apabila kilangnya mula membuat percampuran sendiri.

Selepas lapan tahun beroperasi Sukimi Lube menerima pengiktirafan sebagai *Malaysia Brand* dan sebagai satu Syarikat Teras di bawah Teraju.

Syarikat ini juga diterima menyertai Program Pembangunan Eksport Bumiputera di bawah Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia (MATRADE) yang membantu PKS membuat promosi ke luar negara. Sementara itu, bagi untuk pasaran

tempatan, syarikat ini membuat pemasaran dalam tiga kategori.

Berhasrat lebarkan sayap niaga

Syarikat ini membekal minyak enjin kepada pengedar untuk dipasarkan ke bengkel dan sebagai syarikat yang masih baru, ia mengambil masa untuk memperkukuhkan jenama produknya.

Sukimi Lube juga memasuki pasaran sektor perkilangan dan pembinaan serta ke pelabuhan untuk perkapalan dan sektor kerajaan.

Pada peringkat awal penubuhan syarikat hanya mengeluarkan produk sebanyak 20,000 hingga 30,000 liter setahun.

Jumlah keluaran ini sangat rendah dan Sukimi Lube perlu bekerja keras untuk meningkatkan pengeluaran. Hanya selepas dua tahun beroperasi syarikat menunjukkan peningkatan dalam jualan.

Bermula 2012, Sukimi Lube berjaya mencatat jualan sebanyak RM8 juta setahun, manakala pada 2014 syarikat mula menunjukkan peningkatan jualan dengan jumlah RM10 juta dan pengeluaran berjumlah 1 liter setahun.

Apabila syarikat mula berkembang, Muhazli melantik isterinya, Zurita Azlin Ibrahim sebagai Ketua Pegawai Kewangan, bagi melancarkan penguasaan syarikat.

“Dengan adanya isteri di syarikat ini, memudahkan saya untuk ke luar negara kerana tidak lagi bimbang dengan operasi syarikat,” katanya.

Dengan kemajuan syarikatnya itu, Muhazli merancang dalam tempoh tiga tahun akan datang untuk memiliki premis kilang sendiri dan melebarkan sayap perniagaan ke lebih banyak negara lagi.

SUKIMI LUBE

